



Rujukan : KDN.PPF.600-1/2/1 (13)

Tarikh : 18 Januari 2023


**SYARIKAT PENERBIT FILEM
SYARIKAT PENGEDAR FILEM
OPERATOR PAWAGAM**

YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**PEMAKLUMAN PELAKSANAAN KLASIFIKASI FILEM BAHARU OLEH
LEMBAGA PENAPIS FILEM, KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa selaras dengan keperluan semasa dalam industri perfileman dan penyiaran, YB Menteri Dalam Negeri telah meluluskan dasar klasifikasi filem baharu yang akan dilaksanakan oleh Lembaga Penapis Filem (LPF) merangkumi lima (5) kategori klasifikasi filem yang telah ditambah baik seperti berikut:

Bil.	Logo Klasifikasi Filem	Keterangan
1.		Kategori ini adalah bagi penonton semua peringkat umur
2.		Kategori ini adalah bagi penonton semua peringkat umur dan bimbingan ibu bapa diperlukan bagi penonton yang berumur di bawah dua belas tahun
3.		Kategori ini adalah bagi penonton yang berumur 13 tahun ke atas

4.		Kategori ini adalah bagi penonton yang berumur 16 tahun ke atas
5.		Kategori ini adalah bagi penonton yang berumur 18 tahun ke atas

3. Untuk makluman YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan, klasifikasi filem baharu ini akan **dilaksanakan secara berperingkat oleh LPF** mulai **1 Februari 2023**. Kementerian ini merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato'/ tuan/ puan atas pandangan dan maklum balas berkaitan dengan klasifikasi filem semasa beberapa siri sesi libat urus bersama-sama pihak LPF diadakan sejak tahun 2019. Sekiranya terdapat sebarang persoalan atau isu berhubung dengan klasifikasi filem baharu ini, YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai-pegawai seperti berikut:

- i. Puan Nor Azrah binti Abd Rasid
Telefon: 03 – 8886 3188
E-mel: norazrah@moha.gov.my
- ii. Puan Mimi Noorzeela binti Zulma
Telefon: 03 – 8886 3228
E-mel: noorzeela@moha.gov.my

4. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Dato'/ tuan/ puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(YUSNIZA BINTI YUSUF)
Setiausaha Bahagian
Pejabat Penapisan Filem
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

s.k:

YBhg. Dato' Sri KSU

YBhg. Dato' TKSU (K)

YBhg. Dato' Pengerusi (LPF)

EDARAN LUARAN

Ketua Setiausaha

Kementerian Komunikasi dan Digital

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik

Aras 25

Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62100 W.P. PUTRAJAYA

(u.p: Puan Norashiken binti Ishak)

YBrs. Prof. Dr. Md. Nasir bin Ibrahim

Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia

Bahagian Dasar dan Perancangan

Kompleks Studio Merdeka

Jalan Hulu Kelang

68000 Ampang

SELANGOR